

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak menyifatkan lawatan beliau ke Amerika Syarikat bermula 30 Mac 2011 hingga 8 April 2011 sebagai satu lawatan yang sangat berjaya.

Hasil daripada lawatan tersebut beberapa *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Intent* (Mol) telah berjaya ditandatangani yang memulakan satu era baru hubungan UUM dengan Amerika Syarikat.

Sejak 27 tahun yang lalu, inilah buat pertama kalinya UUM menjalin kerjasama rasmi dengan universiti-universiti terkemuka di Amerika Syarikat bagi membolehkan warga UUM mendapat manfaat daripada bidang kerjasama antarabangsa yang telah dijalankan.

Sebelum ini, UUM tidak pernah mempunyai sebarang MoU dengan mana-mana universiti di Amerika Syarikat. Malahan lawatan ini juga membolehkan UUM menjadi pintu masuk untuk universiti di Amerika Syarikat menjalin hubungan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Ini terbukti apabila MUCIA sebuah konsortium yang mewakili "Big-Ten University" di wilayah mid-west memilih UUM untuk menjalinkan kerjasama.

Pada hari terakhir lawatan, dua Institusi Pengajian Tinggi lagi telah berjaya menjalin hubungan dengan UUM iaitu St. John Fisher College, Rochester (SJFC) dan Keuka College, New York (Keuka). Di SJFC, delegasi UUM disambut oleh Provost, Prof. Dr. Ronald J. Ambrosetti. Hasil lawatan tersebut UUM bakal mendapat khidmat nasihat Dekan Bittner School of Business (BSB), Prof. David G. Martin untuk datang memberikan bimbingan kepada UUM *College of Business* (UUM COB) bagi mempersiapkan diri dalam memperolehi akreditasi AACSB.

Beliau merupakan seorang mentor dan penilai berpengalaman AACSB di Amerika Syarikat. BSB telah memperolehi akreditasi AACSB lebih satu dekad yang lalu. Dengan kerjasama ini UUM dapat mempelajari pengalaman BSB dalam memperolehi akreditasi dan pengurusan program pengajian perniagaan.

Di Keuka College, beberapa bidang telah dipersetujui menerusi MoU yang ditandatangani antaranya ialah kerjasama program Master, 2+2 Dual Degree Program, Latihan/peperiksaan GMAT/GRE, Study Abroad dan Exchange Program serta mendapatkan English Instructor untuk mengajar di UUM. Profesor Joseph G. Burke, Presiden KEUKA College dalam ucapan aluannya kepada delegasi UUM menyatakan keserasian pendekatan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UUM dengan KEUKA College merupakan kriteria utama yang dipilih oleh KEUKA College dalam menjalinkan kerjasama antarabangsa.

Secara keseluruhannya, lawatan Naib Canselor pada kali ini disifatkan beliau sebagai paling berjaya kerana banyak bidang keberhasilan utama yang berjaya dicetuskan. Ini sekaligus membolehkan UUM mengorak langkah meletakkan dirinya di peta akademik antarabangsa dalam masa yang singkat. Selain daripada berjaya merekrut lebih 80